

Perangi aedes habis-habisan

MDHS tingkat kesedaran cegah pembiakan nyamuk aedes di tempat kerja

MOHD RIDZUAN ABU HASSAN

KUALA KUBU BHARU

Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS) melancarkan program Gotong-royong Agensi Kerajaan Bebas Aedes (Akba) bagi meningkatkan kesedaran mencegah pembiakan nyamuk aedes di tempat kerja.

Timbalan Yang Dipertua MDHS, Awaluddin Zakaria berkata, inisiatif tersebut bu-

kan sahaja untuk warga kerja MDHS tetapi membabitkan semua agensi kerajaan di daerah ini.

Menurutnya, Akba julung kali diadakan sebagai kesinambungan kepada kempen cegah aedes yang terdahulu.

"Program ini dirancang sebagai salah satu tindakan pencegahan bagi memastikan kawasan pejabat sentiasa bersih dan ceria.

"MDHS bukan hanya memberikan perkhidmatan perbandaran dan menyediakan kemudahan infrastruktur yang lengkap.

"Sebaliknya sentiasa komited memastikan pelanggan berpuas hati dengan perkhidmatan yang diberikan melalui peningkatan kualiti kehidupan dan kesihatan pelanggan,"katanya.

Majlis perasmian pelancaran program di-



Kira-kira 400 kakitangan kerajaan terlibat bagi menjayakan aktiviti gotong-royong yang dilancarkan di perkarangan pejabat MDHS.

sempurnakan Exco Kesihatan Selangor, Dr Daroyah Alwi.

Daroyah berkata, program seumpama itu dahulunya lebih menumpukan pen-

cegahan di kediaman penduduk namun Akba melibatkan bangunan kerajaan yang turut berpotensi menjadi kawasan pembiakan

nyamuk aedes.

Menurutnya, kerajaan negeri berbangga dengan inisiatif dilaksanakan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)

Program ini dirancang sebagai salah satu tindakan pencegahan bagi memastikan kawasan pejabat sentiasa bersih dan ceria"

- Awaluddin

yang sentiasa komited dalam usaha membanteras nyamuk aedes.

"Dicadangkan kepada semua agensi kerajaan agar menerapkan program seperti ini sebagai acara tahunan kerana ianya dapat total membasmi dan mencegah nyamuk aedes di tempat kerja masing-masing,"katanya.